



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**PUSAT PERSEDIAAN ASASI SAINS DAN
TEKNOLOGI**

DEBAT PIALA ASASI



Piala Pusingan



Disunting Oleh Megawati M.Y





UMS

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Pusat Persediaan Sains dan Teknologi (PPST) secara julung kalinya telah mengadakan pertandingan debat ala parlimen Bahasa Inggeris yang telah disertai oleh lima kumpulan, di mana setiap kumpulan dianggotai seramai 3 orang ahli. Pertandingan tersebut diadakan secara berperingkat iaitu pusingan awal, pusingan separuh akhir dan seterusnya pusingan akhir

Pusingan awal diadakan pada 19 Januari 2019 bertempat di Bilik Tutorial 3 dan 4, PPST. Isu yang dibahaskan bertajuk *"This House Regrets the Severity of Global Warming"*. Terdapat dua sesi pertandingan yang berlangsung pada pusingan ini. Pusingan awal (sesi pertama) telah dimenangi oleh kumpulan yang diketuai oleh saudara Shivendra A/L Ravi dan secara tidak langsung melanjutkan mereka ke pusingan separuh akhir. Dalam pada itu, saudara Shivendra telah dinobatkan sebagai pembahas terbaik. Pada sesi kedua pula, kumpulan debat yang diketuai oleh saudara Pg Mohd Rafi Aiman Ajadjelin@Ismail telah muncul juara dan berjaya lanjut ke pusingan separuh akhir. Pada sesi ini, saudari Azilah Boseng telah dinobatkan sebagai pembahas terbaik. Kumpulan yang diketuai oleh saudara Jarron Yong jae Van pula telah mendapat kelayakan automatik untuk terus ke peringkat separuh akhir tanpa bertanding pada pusingan awal.



Transformation towards
UNIVERSITY
INDUSTRY 4.0



UMS

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Pusingan akhir telah berlangsung pada 2 Februari 2019 bertempat di Dewan Kuliah Pusat 1, UMS. Pelajar asasi serta para ibu bapa telah hadir untuk memberikan semangat dan sokongan kepada kumpulan yang bertanding. Isu yang dibahaskan buat pusingan akhir ini bertajuk "*This House Would Allow Transferring Human Consciousness into A Synthetic Body*". Kumpulan debat mewakili pihak pembangkang telah muncul juara. Pertandingan ini telah diadakan dengan harapan untuk menggalakkan lebih ramai pelajar asasi sains untuk menyertai arena debat dengan menjadikan Menteri Belia dan Sukan Negara, iaitu YB Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman sebagai salah seorang inspirasi



Peserta yang menjuarai pertandingan debat piala asasi



Transformation towards
**UNIVERSITY
INDUSTRY 4.0**